

**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**BERKAITAN OPERASI KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN**  
**JAGAAN KESIHATAN SWASTA (KPJKS) SEPANJANG TEMPOH**  
**WABAK PENYAKIT COVID-19**

**(ISU SARINGAN COVID-19 DAN KLINIK PERUBATAN DENGAN AREA OF INTEREST**  
**(ESTETIK))**

(bagi kegunaan pemegang lesen / pemegang perakuan pendaftaran KPJKS)

**A. Saringan COVID-19**

- 1. Klinik saya telah menerima permohonan daripada syarikat atau kilang bagi menjalankan saringan COVID-19 terhadap pekerja syarikat atau kilang tersebut. Saringan tersebut akan dibiayai oleh syarikat atau kilang berkenaan. Perlukah saya mendapatkan kelulusan dari CKAPS?**

Mana-mana klinik yang berhasrat menjalankan saringan COVID-19 di luar kawasan klinik boleh merujuk kepada surat yang dikeluarkan oleh Bahagian Amalan Perubatan (No Rujukan: KKM87/A2/14-4/7 (28)) bertarikh 27 Mac 2020 bertajuk **PERMOHONAN KLINIK PERUBATAN SWASTA (UMUM) MENYEDIAKAN HEALTH SCREENING BOOTH BAGI SCREENING AND TRIAGING RELATED TO COVID-19**. Surat ini boleh dimuat turun dari laman sesawang Bahagian Amalan Perubatan di link [www.medicalprac.moh.gov.my](http://www.medicalprac.moh.gov.my).

Pemegang perakuan pendaftaran perlu menghantar notifikasi melalui emel [ckaps@moh.gov.my](mailto:ckaps@moh.gov.my) serta mematuhi perkara-perkara yang dinyatakan dalam para 4 dan 5.

- 2. Bolehkah saya menggunakan *Rapid Test Kit*?**

Pada ketika ini, hanya rt-PCR sahaja yang diiktiraf untuk digunakan sebagai kaedah saringan bagi COVID-19, selaras dengan ***Guideline COVID-19 Management No. 5/2020 (updated 24 March 2020)***.

- 3. Mengapakah *Rapid Test Kit* tidak boleh digunakan sedangkan surat daripada Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) yang membenarkan *Rapid Test Kit* digunakan?**

Surat KPK yang dimaksudkan adalah surat KPK kepada PERKESO, dan tidak ditujukan kepada pengamal perubatan. Oleh itu, bagi memastikan tiada implikasi perundangan dan kesihatan yang bakal ditanggung oleh pengamal perubatan dan pesakit, hanya rt-PCR sahaja yang dibenarkan sebagai kaedah saringan COVID-19 pada masa ini.

**4. Bolehkah klinik swasta menjalankan saringan COVID-19 bagi PERKESO?**

Mohon rujuk PERKESO melalui laman sesawang PERKESO di link [www.perkeso.gov.my/index.php/ms/program-saringan-prihatin](http://www.perkeso.gov.my/index.php/ms/program-saringan-prihatin) kerana polisi berkaitan Program Saringan Prihatin tersebut dikeluarkan oleh PERKESO.

**5. Sekiranya saya ingin menjalankan *Rapid Test*, adakah saya perlu menghadiri latihan yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK)?**

Pada masa ini, BPKK hanya menganjurkan latihan bagi pengambilan dan pengendalian sampel yang diambil bagi kaedah rt-PCR. Namun begitu, *Rapid Test Kit* belum disenaraikan dalam ***Guideline COVID-19 Management No. 5/2020 (updated 24 March 2020)***.

**6. Sekiranya klinik saya telah mendapat kelulusan untuk menjalankan *screening & triaging*, adakah saya perlu memohon kelulusan CKAPS bagi tujuan *screening* PERKESO itu lagi?**

Polisi dan SOP berkaitan aktiviti saringan yang dijalankan oleh klinik perubatan swasta belum lagi dikeluarkan oleh PERKESO. Sekiranya saringan tersebut kelak hanya menggunakan *Rapid Test Kit* tanpa perubahan dari segi susun atur klinik/ infrastruktur, pihak klinik tidak memerlukan kelulusan CKAPS bagi menjalankan aktiviti tersebut. Namun, pihak klinik masih perlu mengambil langkah-langkah sewajarnya dari aspek kawalan jangkitan penyakit dan garis panduan yang mana berkaitan.

**7. Adakah cara permohonan untuk mengadakan saringan *screening* PERKESO itu sama dengan permohonan *screening & triaging*?**

Rujuk soalan 6.

**8. PERKESO hanya membiayai *screening* bagi warganegara Malaysia sahaja. Bagi pekerja yang bukan warganegara, kos saringan dibiayai oleh syarikat. Pihak syarikat memerlukan pengesahan saringan telah dijalankan bagi membolehkan syarikat beroperasi. Sekiranya klinik tidak boleh menjalankan *Rapid Test Kit*, bagaimanakah syarikat ingin beroperasi?**

Buat masa ini, pihak klinik boleh menyediakan perkhidmatan saringan menggunakan kaedah rt-PCR selaras dengan ***Guideline COVID-19 Management No. 5/2020 (updated 24 March 2020)***.

**9. Mengapakah hospital tidak dibenarkan menyediakan *health screening booth* bagi saringan COVID-19 di luar kawasan hospital (seperti di pejabat/ kilang) dan terhad kepada klinik perubatan swasta sahaja?**

Selaras dengan Arahan Am Menteri Kesihatan Bilangan 2 Tahun 2019 mengikut peruntukan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586], hanya klinik perubatan swasta (umum) yang berdaftar bawah Akta 586 sahaja yang dibenarkan untuk menyediakan *outreach programme* di premis selain daripada premis klinik yang didaftarkan.

Pada masa yang sama, PERKESO juga telah menetapkan polisi berkaitan program ujian saringan bagi COVID-19 yang dijalankan kepada pekerja termasuk pekerja asing bagi syarikat yang dibenarkan beroperasi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) melalui Program Saringan Prihatin adalah terhad kepada klinik perubatan swasta (umum) sahaja.

**10. Bagaimanakah jika saya ingin menyediakan aktiviti *screening dan triaging* bagi COVID-19 di dalam kawasan klinik?**

Pihak klinik boleh merujuk surat yang dikeluarkan oleh Bahagian Amalan Perubatan (No Rujukan : KKM87/A2/14-4/7 (29)) bertarikh 27 Mac 2020 bertajuk **PENYEDIAAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN *SCREENING AND TRIAGING BOOTH RELATED TO COVID-19* DI KLINIK SWASTA**. Surat tersebut boleh dimuat turun dari laman sesawang Bahagian Amalan Perubatan [www.medicalprac.moh.gov.my](http://www.medicalprac.moh.gov.my).

**11. Bagaimanakah saya ingin mendapatkan latihan bagi pengambilan dan pengendalian sampel bagi COVID-19?**

Pada waktu ini, latihan yang diiktiraf oleh KKM adalah Latihan Pengambilan dan Pengendalian Sampel Untuk COVID-19 Bagi *General Practitioner* dan Paramedik dari Fasilitas Kesihatan Swasta daripada Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Program Kesihatan Awam. Personel yang telah menjalani latihan akan diberikan sijil kehadiran oleh BPKK, Program Kesihatan Awam.

Pihak klinik boleh menghubungi **Dr. Siti Khadijah Ahmad Tajuddin, Ketua Penolong Pengarah**, atau **Dr. Naning binti Sachiman, Cawangan Kesihatan Primer, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga** di alamat [sitikhadijah@moh.gov.my](mailto:sitikhadijah@moh.gov.my) atau [naning@moh.gov.my](mailto:naning@moh.gov.my).

**B. PERKHIDMATAN KLINIK PERUBATAN SWASTA (UMUM) DENGAN AREA OF INTEREST (ESTETIK)**

**12. Klinik saya diluluskan sebagai klinik perubatan swasta dengan *area of interest* (estetik). Merujuk kepada SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), pusat estetik adalah termasuk dalam aktiviti yang TIDAK dibenarkan. Adakah saya boleh beroperasi jika perkhidmatan saya terhad kepada rawatan kepada pesakit yang mengalami alergi, ruam dan demam?**

Selain daripada SOP yang dikeluarkan oleh MKN, pihak klinik boleh merujuk kepada surat yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan bertarikh 4 Mei 2020 (No rujukan: KKM87/A2/14-4/7 Jld. 2 (62)) di mana semua kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta bawah Akta 586 seperti **hospital swasta, pusat jagaan ambulatori swasta dan klinik swasta** tidak dibenarkan menyediakan **kemudahan dan perkhidmatan perubatan estetik**, sehingga satu tarikh yang dimaklumkan kelak. Surat tersebut boleh dimuat turun dari laman sesawang Bahagian Amalan Perubatan [www.medicalprac.moh.gov.my](http://www.medicalprac.moh.gov.my).

Namun begitu, KPJKS tersebut boleh menyediakan kemudahan dan perkhidmatan selain daripada estetik seperti rawatan kepada pesakit yang mengalami alergi, ruam dan lain-lain.

**13. Saya mengendalikan sebuah klinik estetik. Perlukah saya mendapatkan surat sokongan daripada KKM untuk klinik perubatan umum dengan *area of interest* (estetik) beroperasi?**

Istilah klinik estetik tidak wujud kerana semua klinik perubatan yang menawarkan perkhidmatan estetik tetap didaftarkan sebagai **klinik perubatan umum** dengan *area of interest* (estetik).

Oleh itu, klinik tersebut boleh beroperasi sebagai klinik perubatan swasta **tanpa** menyediakan perkhidmatan estetik. Pihak klinik atau mana-mana pihak yang berkaitan boleh merujuk kepada surat yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan bertarikh 4 Mei 2020 (No rujukan: KKM87/A2/14-4/7 Jld. 2 (62)). Surat tersebut boleh dimuat turun dari laman sesawang Bahagian Amalan Perubatan [www.medicalprac.moh.gov.my](http://www.medicalprac.moh.gov.my).

**14. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut berkaitan operasi KPJKS?**

Maklumat terkini boleh didapati di media sosial CKAPS seperti berikut :

Facebook - @CKAPSKKM

Instagram - @ckaps\_kkm

Twitter - @CKAPS\_KKM

Laman sesawang Bahagian Amalan Perubatan : [www.medicalprac.moh.gov.my](http://www.medicalprac.moh.gov.my)

**CAWANGAN KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA HQ  
BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
6 MEI 2020**